

21/01/1999

Osman Hulubalang penyambung warisan silat

Prof Datuk Dr Hashim Yaacob

OSMAN hulubalang atau nama sebenarnya Osman Bakar adalah seorang guru Silat Jatuh (Silat Pulut, Silat Tari) yang tersohor di Kelantan. Beliau pernah memenangi beberapa pertandingan silat jatuh Negeri Kelantan beberapa tahun lalu.

Osman belajar bersilat sewaktu umurnya masih muda remaja. Pada usianya 44 tahun sekarang, beliau tidak lagi memasuki pertandingan silat tetapi bergiat sebagai guru silat melatih murid yang ingin belajar ilmu itu daripadanya.

Di hadapan rumahnya di Kampung Jal, Kok Lanas, Osman mempunyai sebuah gelanggang silat di mana beliau menjalankan kegiatan itu. Silat jatuh sangat diminati di Kelantan kerana ia digunakan untuk dua tujuan. Pertama sebagai seni mempertahankan diri dan juga sebagai sebuah seni persembahan pada majlis kahwin atau menyambut tetamu kehormat.

Gaya persilatan untuk memenuhi kedua fungsi ini amat berbeza sekali. Bagi seni mempertahankan diri, langkah dan buah persilatan serta gerak tubuh amatlah lincah, tangkas dan pantas. Ia penuh dengan pergerakan untuk mengelak serangan lawan dan pergerakan menyerang lawan. Silat yang digunakan untuk menyambut tetamu pula banyak memperlihatkan pergerakan anggota dalam bentuk tarian kepahlawanan (kadangkala disebut Silat Tari).

Kedua jenis silat ini diiringi dengan paluan dan alat muzik yang terdiri daripada gendang ibu, gendang anak, serunai, tetawak dan kadangkala canang dan kesi. Osman bukan sahaja jaguh silat, tetapi juga mahir bermain kesemua alat itu kecuali serunai.

Osman mempunyai ahli pancaknya sendiri yang terdiri daripada Ariffin Che Mat, Pak Muda Mat Nor, Rahim Osman (pemain gendang), Ismail (serunai) dan Roslan Che muda (gendang tetawak). Ariffin juga adalah dalang wayang kulit terbilang; Pak Muda Mat Nor johan pemain rebana ubi, Rahim dan Roslan cekap bersilat.

Bila ditanya mengapa Osman bersilat, beliau menyatakan bahawa hobinya itu di samping dapat membantu mempertahankan diri serta dapat digunakan pada majlis keramaian yang selalu mengundangnya. Silat adalah juga satu bentuk riadah untuk kesihatan badan. Setiap kali bersilat, hati dan jiwanya puas dan tenteram kerana dapat mengekalkan kewujudan seni yang menjadi warisan turun temurun bangsanya.

Kumpulan Osman Hulubalang kini menjadi ahli kehormat Kelab Seni dan Kebudayaan Fakulti Pergigian yang diterajui Prof Datuk Dr Hashim Yaacob dan Prof Madya Dr Noor Hayaty Abu Kassim. Beliau seringkali diundang untuk membimbing dalam bidang persilatan dan permainan alat muzik tradisi Melayu Kelantan di fakulti itu.

Melalui kelab itu, mereka membuat beberapa persembahan dalam majlis besar yang selalunya menggabungkan seni silat dan deklamasi puisi. Kumpulan itu pernah beraksi di hadapan Raja Permaisuri Agong, di hari ulang tahun Keputeraan dan perkahwinan Sultan Kelantan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ahli dan ahli Bakti serta majlis lain.

Pengalaman yang dilalui kumpulan Osman Hulubalang amatlah luas. Persembahan mereka sering mendapat pujian dan penghargaan tanpa mengira bangsa. Tepat seperti kata Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said bahawa "persembahan silat Osman Hulubalang tersangat baik dan boleh diketengahkan di luar negara".

(END)

